

PERBANDINGAN ADAB PEMERINTAH DALAM TAJ US SALATIN (MAHKOTA RAJA-RAJA) DENGAN HIKAYAT ISKANDAR ZULKARNAIN

**Siti Nor Harmiza Ibrahim
Rahimah Hamdan**

Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan adab raja-raja Melayu seperti yang termaktub dalam karya Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja) dan membandingkannya dengan adab raja dan pahlawan tersohor kesusasteraan Melayu tradisional iaitu Hikayat Iskandar Zulkarnain. Sebagai sebuah karya kesusasteraan ketatanegaraan yang tersohor, Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja) yang dikarang oleh Bukhari Al-Jauhari merupakan panduan pemerintahan kepada raja-raja di Alam Melayu bermula sejak Sultan Alauddin Riayat Shah di Aceh pada abad ke-17 sehinggalah ke zaman Sultan Hussein Syah dari Kesultanan Johor-Singapura pada abad ke-19 Masihi. Ini bermakna segala tatacara pemerintahan dimuatkan secara komprehensif oleh pengarang Bukhari Al-Jauhari di dalam Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja). Rentetan itu, seorang tokoh yang tersohor namanya sebagai raja dan pahlawan ulung iaitu Iskandar Zulkarnain sering ditemui sebagai pemula jurai keturunan kesultanan raja-raja Melayu sebagaimana yang tercatat dalam karya-karya historiografi. Maka, kehadiran tokoh ini sering dipandang tinggi dan mulia dalam kebanyakan hasil karya kesusasteraan malah dikenali sebagai manifestasi yang mampu mengabsahkan kedaulatan sesebuah dinasti raja di Alam Melayu. Persoalannya, adakah panduan kepada pemerintah yang tercatat dalam Taj Us Salatin seiring dengan tatacara raja dan pahlawan dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain? Justeru, dengan menggunakan metod analisis teks terhadap kitab Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja) dan Hikayat Iskandar Zulkarnain, kertas kerja ini membandingkan hubungan dan kaitan dalam pencirian adab pemerintah antara dua teks tersebut. Sumbangan kajian ini penting terutama dalam mengangkat sumbangan Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja) sebagai genre sastera ketatanegaraan yang tinggi nilai ilmunya serta Iskandar Zulkarnain sebagai tokoh pemerintah dan pahlawan tersohor dalam masyarakat Melayu. Rumusannya, adab seseorang pemerintah dapat mencerminkan keutuhan dan keamanan sesebuah negara kota sehingga elemen ini diberi penekanan secara serius dalam kebanyakan genre kesusasteraan Melayu tradisional.

Kata Kunci: *Adab, masyarakat Melayu tradisional, Taj Us Salatin, Iskandar Zulkarnain, Hikayat Iskandar Zulkarnain*

Abstract

This paper aims to discuss and compare the adab of Malay kings in Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja) with the Malay epic text namely Hikayat Iskandar Zulkarnain. As a profess state's literary masterpiece, Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja), which was written by Bukhari Al-Jauhari, was an administration guide to all of the kings in the Malay World since the era of Sultan Alauddin Riayat Shah from the 17th century Aceh until the era of Sultan Hussein Syah who was the Sultan of Johor in the 19th century AD. It indicates that the writer, Bukhari

Al-Jauhari, has composed all of those administration policies in *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* comprehensively. Therefore, as the profound king and a brilliant warrior, Iskandar Zulkarnain often encountered as the apprentice of the Malay royal generation, as what has been documented in the genre of historiography. Hence, the presence of this figure is always highly admired and honoured in most of the Malay literary works. He has been portrayed as a capable manifestation that can indorse the sovereignty of a king dynasty in the Malay Archipelago. The question that arises now is the administration guide that has been recorded in *Taj Us Salatin* is related to the policies of the king and warrior in *Hikayat Iskandar Zulkarnain*?. Thus, this paper will analyses the *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* and *Hikayat Iskandar Zulkarnain* in comparing the relationship and connection of the characterization in the leaderships from both texts. The study will uphold the contribution of *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* as a valuable state's literary genre as well as to signify the role of Iskandar Zulkarnain as a leadership model and a notable warrior in the Malay civilization. To conclude, the manner of a ruler reflects the integrity and tranquillity of a country as it has been extremely emphasizes in a lot of traditional Malay literature.

Keywords: *Adab, traditional Malay civilization, Taj Us Salatin, Iskandar Zulkarnain, Hikayat Iskandar Zulkarnain.*

PENGENALAN

Ketamadunan sesuatu bangsa tercermin menerusi karya sastera yang dihasilkan oleh para sarjana seperti M.Khalid Taib, Noriah Taslim, Ismail Hamid dan beberapa yang lain menerusi karya-karya yang bersifat sastera epik. Ini dapat dilihat berdasarkan pandangan mereka yang lebih cenderung melihat epik sebagai satu sudut yang berkaitan dengan tradisi lisan yang menyumbang kepada maklumat yang berguna (Siti Hawa Haji Salleh, 2009: 117). Hal ini juga boleh dilihat melalui karya-karya yang berbentuk sejarah dan epik seperti *Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Iskandar Zulkarnain* dan sebagainya yang meriwayatkan tentang sejarah sesebuah kerajaan dan zaman pemerintahan manakala karya-karya sastera ketatanegaraan yang terdiri *Bustanus Salatin, Tajus Salatin (Mahkota Raja-Raja), Tahamarat al Muhimmah* dan sebagainya yang memerihalkan tentang panduan yang berhubungan tatacara pemerintahan kepada raja-raja serta pembesar negara di Alam Melayu. Melalui penghasilan kedua-dua genre sastera ini telah memperlihatkan pelbagai tatacara dari segi adab yang dapat mengubah atau membentuk sesuatu kerajaan dan pemerintah yang sarat dengan unsur pengajaran seperti *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* yang sarat dengan peraturan dan panduan. Justeru, dengan adanya segala panduan dan peraturan, ia dijadikan sebagai cerminan atau rujukan kepada karya-karya yang memerihal tentang pemerintah seperti *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Melalui karya ini, ia menjelaskan tentang ketokohan Raja Iskandar berasal dari Macedonia yang menjadi tokoh legenda dunia yang terkenal. Sebagaimana yang dijelaskan dalam *Sejarah Melayu* bahawa Iskandar Zulkarnain sebagai pemula jurai keturunan raja Melaka melalui perkahwinan dengan puteri Raja Keling iaitu Puteri Syahrul Bariyah (A. Samad Ahmad, 2013: 6). Selain itu, terdapat juga hikayat yang mengaitkan asal usul keturunan rajanya yang berasal dari Iskandar Zulkarnain seperti *Hikayat Siak, Hikayat Acheh, Hikayat Banjar dan Misa Melayu*. Hal ini jelas membuktikan bahawa ketokohan Raja Iskandar tidak asing lagi sehingga diangkat sebagai seorang pemerintah yang mashyur sehingga dikaitkan dengan keturunan raja-raja Melayu.

Hikayat Iskandar Zulkarnain telah menonjolkan seorang tokoh yang terkenal dunia

sebagaimana terdapat dalam *Al-Quran* iaitu pada penghujung surah *al-Kahfi*. Keistimewaan tokoh ini adalah kerana beliau merupakan satu-satunya raja dan bertindak sebagai pahlawan. Beliau juga digelar sebagai penakluk yang paling agung malah disebut juga sebagai pemula jurai keturunan raja-raja Melayu. *Hikayat Iskandar Zulkarnain* ini telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak terutama para sarjana seperti R.J Wilkinson yang mengkaji teks ini dan menerbitkan pada tahun 1808 dan 1902 (Khalid Hussain, 2015: xxv). Selain itu, terdapat juga para sarjana lain yang membincangkan tentang karya ini melalui pelbagai aspek sama ada pemerintahan, ketokohan dan akhlak kepimpinan beliau sebagai pemimpin seperti Halimah Hassan (2001), S. Othman Kelantan (2007) serta Nor Asma Ab Aziz dan Muhd Norizam Jamian (2016). Sehubungan itu, didapati tiada kajian yang membandingkan sastera epik *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dengan sastera yang berbentuk ketatanegaraan ini terutamanya *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* atau genre lain dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Akan tetapi, terdapat beberapa sarjana dalam dan luar negara yang mengkaji dan memahami kitab panduan pemerintahan *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* seperti Marrison (1955), Khalid M.Hussin (1966), Brakel (1970), Fatimah Embong (1982), Mohd. Aris Othman (1983), Siti Hawa Haji Salleh (1992 dan 2010), Braginsky (1993 dan 2000), Jelani Harun (2006 dan 2009), Khalif Muammar A.Haris (2011) dan Shah Rul Anuar (2012) serta Rahimah Hamdan dan Arbaie Sujud (2017).

Bertitik-tolak daripada inilah, kajian ini akan menumpukan kepada aspek ‘adab’ pemerintah dengan dua objektif utama iaitu menghuraikan adab raja-raja Melayu seperti yang termaktub dalam karya *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* dan membandingkannya dengan adab raja dan pahlawan tersohor kesusasteraan Melayu tradisional iaitu *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Karya ini dipilih adalah kerana ia berkaitan dengan kepemimpinan Iskandar Zulkarnain yang diangkat menjadi seorang pemerintah terulung sekaligus dalam membuat perbandingan ‘adab’ raja dengan menggunakan *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* sebagai kitab panduan pemerintahan. Secara tidak langsung juga, kajian ini dapat merungkai keperibadian yang dimiliki oleh Iskandar Zulkarnain yang diangkat sebagai raja dan pahlawan malah juga sebagai ‘khalifah’ sehingga namanya begitu masyhur dalam dunia pengkaryaan Melayu.

MENGENALI KARYA TAJ US SALATIN

Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja) adalah sebagai sebuah kitab adab ketatanegaraan yang terdapat kesusasteraan Melayu tradisional. Kitab panduan bagi raja-raja ini banyak membicarakan perihal kewajipan raja-raja pembesar dalam menjalankan pentadbiran. Hasil karangan oleh Bukhari Al-Jauhari di negeri Aceh pada tahun 1603 *Masihi*. *Taj Us* merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa Arab yang bermaksud ‘Mahkota’ sementara *al-salatin* pula yang membawa maksud ‘Raja-Raja’ lalu digabungkan menjadi *Taj Us Salatin* iaitu *Mahkota Raja-Raja* (Ismail Hamid, 1987: 217). Tujuan karya ini diperkenalkan adalah kerana di dalamnya mengandungi panduan dan petunjuk bagi raja-raja, khususnya bagi raja-raja di Alam Melayu yang menjalankan pemerintahan dan pentadbiran bagi negeri masing-masing. Malah, menurut Ismail Hamid (1987: 217) buku *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* terkenal pada masa yang lalu berdasarkan naskhah yang diterbitkan di Jakarta pada tahun 1901 dan digunakan sebagai rujukan kepada raja-raja Jawa semasa menjalankan pemerintahan di negeri mereka. Hal ini membuktikan bahawa salah satu kitab ketatanegaraan ini merupakan kitab yang sah dan berfaedah untuk dijadikan sebagai rujukan.

Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja) adalah hasil kepengarangan Bukhari Al-Jauhari

yang telah menyenaraikan 24 fasal yang menyentuh pelbagai aspek kemanusiaan yang ditujukan khas buat raja-raja. Malah, kitab panduan bagi raja-raja ini bersifat *Islamik* di mana pengarang menekankan aspek kepercayaan dan keimanan kepada Allah S.W.T berdasarkan pandangan hidup yang berteraskan *Al-Quran* dan Hadis. Malah pengarang juga menekankan aspek kepimpinan dengan mengambil baginda Rasullullah S.A.W sebagai '*role model*' dan panduan kepada pemerintah. Hal ini kerana, raja juga bukan hanya sebagai pemerintah tetapi juga sebagai khalifah yang ditugaskan untuk melaksanakan perintah Allah sebagai manusia biasa. Sehubungan itu, pengarang telah menyatakan 10 perkara yang perlu dimiliki oleh seorang raja. Sebagai contohnya, raja perlu melaksanakan tugas dengan adil, berilmu, memiliki rupa paras yang cantik, bersifat pemurah, berani, pemerintah harus daripada golongan lelaki dan beberapa perkara lain.

Secara umumnya, kandungan kitab *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* mempunyai lima pembahagian ciri adab seorang pemerintah iaitu:

- i) Hakikat penciptaan dan perjanjian manusia kepada Pencipta.
- ii) Sifat ketokohan pemerintah dan tatacara mentadbir kerajaan.
- iii) Tanggungjawab pembesar.
- iv) Hubungan rakyat dengan pemerintah dan pembesar.
- v) Kepentingan pendidikan ilmu.

Justeru, kajian ini hanya menumpukan kepada bahagian kedua iaitu sifat ketokohan pemerintah dan tatacara mentadbir kerajaan yang meliputi 24 fasal yang telah dirangka oleh Bukhari Al-Jauhari. Daripada 24 fasal itu hanya 9 fasal sahaja dirujuk yang berkaitan dengan tatacara dan adab pemerintahan serta dijadikan sebagai 'kayu ukur' dalam membuat perbandingan adab pemerintah yang terdapat dalam *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* dengan keperibadian tokoh pemerintah iaitu Raja Iskandar seperti yang digambarkan dalam karya sastera iaitu *Hikayat Iskandar Zulkarnain*.

DEFINISI ADAB

Menurut *Kamus Edisi Dewan* (2007: 7) mendefinisikan 'adab' sebagai tingkah laku serta tutur kata yang halus atau cara perlakuan seseorang. 'Adab' juga merujuk kepada pengenalan dan pengakuan atas tempat, kedudukan dan keadaan yang tepat dan benar dalam kehidupan, dan disiplin diri agar ikut serta secara positif (Al Attas, 1993: 129). Manakala menurut Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (2012: 45) yang memetik pendapat Al-Attas, 'adab' adalah pengenalan tentang hakikat bahawa ilmu dan kejadian yang telah disusun dengan tertib mengikut darjat dan martabatnya masing-masing. 'Adab' juga ada kaitan dengan kedudukan sebenar seseorang dalam hubungannya dengan hakikat itu berdasarkan kepada daya dan potensi jasmani, akal dan rohnya. Dalam erti kata lain, 'adab' dalam perspektif Islam adalah usaha insan menghidupkan ketatertiban dan ketersusunan yang tepat dan benar sebagaimana yang diajar oleh agama Islam sejak dari awal kemunculannya dalam mengenal Tuhan dan mengagungkan Nabi Muhammad S.A.W sebagai pesuruhNya. Sehubungan dengan itu, Al-Attas (2001) telah menjelaskan bahawa medium sastera mempunyai peranan sebagai penanam 'adab' bagi melahirkan insan yang terpuji yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Malah, ia jelas terdapat persamaan dengan konsep *al-adabi* iaitu sastera yang datang dari jiwa yang halus bertujuan untuk mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni (Shafie, 1996: 118-151). Melihat

kepada pengertian kerangka ‘adab’ yang merungkai makna yang meluas, jelas memberikan sedikit panduan kepada genre sastera yang bersifat ketatanegaraan yang menerapkan ciri terpenting dalam kesusasteraan tradisional. Menurut Jelani Harun (2003: 4) yang menjelaskan tentang karya genre sastera ketatanegaraan yang mengetengahkan ‘*Mirrors for Rules*’ yang berperanan membentuk akal dan pemikiran manusia dalam amalan moral, nilai, adab, adat istiadat dan sebagainya. Antara karya yang tergolong dalam penggolongan sebagai karya ‘cerminan’ ialah *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* yang dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pemerintah.

PERBANDINGAN ADAB PEMERINTAH DALAM TAJ US SALATIN (MAHKOTA RAJA-RAJA) DENGAN HIKAYAT ISKANDAR ZULKARNAIN

Pemerintah atau raja sememangnya memiliki keistimewaan yang tiada tolak bandingnya sehingga diangkat sebagai ‘bayangan tuhan’. Menurut Jelani Harun (2006: 309) kesucian martabat raja-raja tidak lagi diagung-agungkan melalui mitos dewa-dewa tetapi tertanam kukuh sebagai sebahagian keimanan manusia terhadap Tuhan. Raja dianggap sebagai bayangan Tuhan di dunia dan dengan andaian itulah menjadikan mereka sebagai pelaksana kepada bentuk pentadbiran dan pemerintahan. Melalui konsep ini juga telah menyebabkan kedudukan raja berada di strata yang paling tertinggi. Ketinggian dan kesucian martabat seorang raja diperkukuhkan dengan potongan ayat yang dipetik dari *Al-Quran* melalui beberapa surah seperti surah *An Nisa: 59*, *Al Nur: 51* dan *Al Anbiya: 73*. Melihat intipati dalam surah-surah tersebut, didapati surah *An Nisa* lebih memerihalkan tentang ketaatan kepada orang yang berkuasa seperti berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasullullah dan kepada ‘Ulil Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikan kepada kitab Allah.”

(Surah *An Nisa*, ayat 59)

Hal ini jelas mewajarkan ketinggian martabat seorang raja sebagai pemerintah malah ia harus mendapatkan penghormatan dari pihak rakyat dengan mematuhi dan mentaatinya. Sewajarnya, rakyat perlu mengagungkan dan berbakti kepada raja sebagai pemegang tampuk pemerintahan seperti yang telah dijelaskan oleh Allah S.W.T. Meneliti *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, pengarang telah memperkenalkan seorang tokoh pemerintah yang terulung. Hikayat ini merupakan karya epik Melayu yang telah disadur daripada kesusasteraan Arab-Parsi. *Hikayat Iskandar Zulkarnain* juga setanding dengan karya epik yang berasal dari Timur Tengah dan tidak asing dengan dunia Melayu iaitu *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Ali Hanafiyah*. Menurut Khalid Hussain (2015: xxvii), tidak dapat disangkal lagi bahawa *Hikayat Iskandar Zulkarnain* ini merupakan suatu hikayat yang terpenting dan setanding dengan karya-karya besar sastera dunia seperti karya-karya Homer *The Illiad* dan *The Odyssey*. Hal ini kerana ketokohan dan keperibadian yang dimiliki oleh Iskandar sehingga menyebabkan namanya berada sebaris dengan tokoh-tokoh dunia yang terkenal.

Permulaan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* mengisahkan tentang jurai keturunan dan asal usul kelahiran Raja Iskandar yang merupakan anak Raja Darab Rumi dari Parsi dan ibunya bernama Puteri Safiya Arqiya. Dia dilukiskan mempunyai sifat yang cukup sempurna

dan berwajah seperti bulan purnama. Sifatnya sungguh bijaksana dan pernah berguru dengan pendeta terulung yang bernama Aristotle. Raja Iskandar juga telah mewarisi bakat ayahnya yang mahir bermain senjata khususnya dalam memanah dan melembing. Raja Iskandar kemudiannya menaiki takhta menggantikan datuknya yang meninggal dan menyatukan kerajaan Rom dan Parsi apabila adiknya Raja Dara yang memerintah kerajaan Parsi terkorban dalam perang saudara (Khalid Hussain, 2015: 54). Kejayaan Raja Iskandar telah menewaskan adiknya Raja Dara telah menyebabkan dia lupa daratan dan termakan terhadap hasutan iblis. Iblis yang menjelma sebagai orang tua telah menghasut Raja Iskandar sehinggakan Raja Iskandar tidak berbuat ibadat kepada Allah S.W.T (Khalid Hussain, 2015: 57). Maka, datanglah Nabi Khindir sebagai utusan yang diutus oleh Allah dengan membawa keluar Raja Iskandar keluar dari kesesatan dan kejahilan. Akhirnya, berkat nasihat dan usaha Nabi Khindir telah berhasil dan menyebabkan Raja Iskandar insaf dan kembali kepada agama. Selepas itu, Raja Iskandar memeluk agama Nabi Ibrahim dan bertekad untuk menyebarkan agama Islam ke negeri-negeri yang kafir dan tidak beragama. Antara wilayah yang dijelajahnya ialah Konstantinopal, Andalus, Rumiyyar al-Akhbar, Mesir, Habsyi, China, Makkah dan Madinah. Misi Raja Iskandar untuk mengislamkan negeri-negeri tersebut dan menyebarkan agama Islam telah ditemani bersama Nabi Khindir sebagai penjaga dan penasihat kepada Raja Iskandar. Berdasarkan ketokohan dan kepimpinan Raja Iskandar telah memperlihatkan sudut positif yang dimiliki orang seorang raja. Hal ini kerana, Raja Iskandar bukanlah sebagai seorang raja yang hanya tinggal di istana dan memerintah di dalam sesebuah negara sahaja. Tetapi, beliau merupakan seorang pemerintah yang teragung yang sanggup keluar dari istana dan menjelajah ke seluruh pelusuk negara untuk menyebarkan syiar Islam. Kajian ini cuba membuktikan bahawa hikayat yang mengisahkan tentang Raja Iskandar ini merupakan satu-satunya karya sastera Melayu tradisional yang berhubung kait dengan adab raja dan pemerintah sebagaimana yang terdapat dalam panduan adab yang termaktub dalam *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* serta dibandingkan dengan perilaku dan keperibadian Raja Iskandar Zulkarnain

4.1 Adab raja yang adil


Sesebuah pentadbiran atau pemerintahan tidak akan runtuh sekiranya ia ditadbir dengan adil dan saksama. Sebagaimana telah dijelaskan dalam *Al-Quran* tentang peri pentingnya sifat adil yang berhubung kait dengan manusia agar melakukan keadilan dalam segala aspek kehidupan. Sebagai contohnya, dalam surah *Al-Nahl* yang bermaksud

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar....”

(Surah *Al-Nahl*, ayat 90)

Jelas membuktikan bahawa dalam Islam, konsep keadilan bukan hanya terhad kepada soal pemerintah memberi hukuman tetapi mencakupi segala yang berhubungan dengan rakyat. Hal ini kerana, untuk menjadi pemerintah yang baik raja perlu mengamalkan sifat adil dalam seluruh urusan pentadbirannya (Jelani Harun, 2003: 124). Kitab *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* telah memerihai beberapa fasal tentang sifat adil yang perlu dalam diri seorang pemerintah. Antara fasal yang menyentuh perihal raja yang adil ialah terdiri daripada fasal 6,

7, 8, 9 dan 17 seperti dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Fasal tentang keadilan

Kesemua pembahagian fasal di atas memerihai tentang keadilan yang perlu ada bagi seorang pemerintah seperti fasal ke 6 menceritakan perihal raja yang adil yang memperoleh naung Arash di sisi Allah, fasal 7 pelaksanaan hukuman yang adil. Manakala, fasal 8 menceritakan tentang kesan raja yang berlaku adil dan insaf serta memelihara rakyat dengan dimakmurkan negeri. Malah, fasal ke 9 menyatakan penderitaan rakyat akibat raja tidak berlaku adil. Seterusnya, fasal yang terakhir iaitu fasal ke 17 yang menyatakan tentang perbuatan raja yang berlaku adil dan tidak membiarkan hawa nafsu menyelubungi dirinya. Meneliti *Hikayat Iskandar Zulkarnain* telah memperlihatkan bagaimana Raja Iskandar sebagai seorang raja yang diangkat menjadi seorang pemerintah yang berjaya menangani sesuatu kejadian yang melibatkan nyawanya. Sebagai contohnya, peristiwa Raja Iskandar telah diracuni oleh Naqfanus yang merupakan orang suruhan dan berkhidmat sebagai penyedia makan minum kepada Raja Iskandar. Walaupun, Raja Iskandar mengetahui makanan yang disediakan kepadanya itu telah dicemari dengan racun, beliau tidak cepat menghukum. Sebaliknya, Raja Iskandar menyiasat dahulu kejadian yang berlaku dan mendapati Naqfanus memang benar-benar bersalah dan menjatuhkan hukuman atas perbuatan Naqfanus yang berniat untuk membunuh. Ini kerana tindakan membunuh itu adalah satu perbuatan yang kejam dan dosa orang yang membunuh tidak akan terampun. Hal ini membuktikan bahawa Raja Iskandar menunjukkan teladan seorang pemimpin yang adil dengan menyiasat dahulu dan tidak terburu-buru menjatuhkan hukuman seperti berikut:


“Maka sabda Raja Iskandar,” Barang bicara tuan hamba, kerjakanlah. Hamba serahkanlah ia kepada tuan hamba. Baik kira-kiranya dikawali kerana tuan hamba kepadanya sangatlah harap hamba menyerahkan nyawa hamba kepadanya. Dalam itu pun, pekerjaan khianat hamba. “Maka ujar Nabi Khindir,” Diamlah raja, nescaya dengan nyatanya pekerjaan ini hamba keluarkan. “Maka keluar Nabi Khindir kepada menghukumkan. Maka disuruhnya bawa Naqfanus kepada hakim. Maka hakim pun tahulah bahawa pekerjaan racun itu diketahui

rajalah.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*. 2015: 72)

4.2 Adab raja yang berilmu

Menurut Al-Attas (2001: 51) ilmu adalah suatu proses atau gerak daya memperoleh pengetahuan dan merujuk kepada suatu sifat yang berada pada sesuatu (Ihsan) yang hidup yang membolehkan diri yang mengetahui sesuatu yang tidak ketahui. Malah, ketinggian ilmu yang dimiliki oleh seseorang menyebabkan ia disanjung tinggi dan menjadi ikon dalam masyarakat. Hal ini boleh dilihat dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional terutama menerusi cara kelahiran putera yang luar biasa dan dilengkapi dengan kepintaran pelbagai ilmu, kepahlawanan yang tiada tandingan, ketampanan wajah dan keelokkan budi bahasa (Jelani Harun, 2003: 197). Ini membuktikan setiap pemerintah itu perlu mempunyai ketinggian ilmu supaya dapat mentadbir sesebuah negara dan menjamin kualiti pemerintahan. *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* telah menekankan beberapa fasal tentang adab sebagai seorang pemerintah yang perlu mempunyai ilmu untuk menjamin kelancaran sesebuah pentadbiran iaitu terdapat pada fasal 5, 7 dan 8 dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Fasal tentang raja yang berilmu.

Terdapat tiga fasal yang menjelaskan tentang fasal 5 berkaitan syarat akan pemerintah iaitu bertepatan dengan syarat kedua mengenai hendaklah raja itu berilmu dan bersahabat dengan orang berilmu. Manakala, fasal ke 7 memerihalkan tentang adab raja yang perlu berpengetahuan untuk membezakan perkara baik atau buruk. Seterusnya, fasal 8 yang banyak menceritakan tentang dimuliakan orang yang mempunyai pengetahuan dan memberi hormat kepada orang berilmu.

Meneliti *Hikayat Iskandar Zulkarnain* didapati Raja Iskandar merupakan salah seorang pemerintah yang jelas mempamerkan bahawa beliau seorang yang berilmu. Sebagai contohnya, Raja Iskandar bukan sahaja memiliki kekuasaan dan pangkat yang tinggi, tetapi mempunyai ketinggian ilmu agama. Oleh kerana, minat yang mendalam tentang ilmu agama, Raja Iskandar telah berguru dengan Nabi Khindir. Hal ini boleh dilihat melalui petikan di bawah apabila Raja Iskandar amat bersungguh dalam menuntut ilmu dan menjadikan dia sebagai pemerintah yang dikagumi ramai iaitu:

“Kata sahibul hikayat, setelah Raja Iskandar beriktikadnya bersamalah Nabi Khindir dengan dia empat puluh hari mengajar akan dia segala ilmu seperti ada agama Nabi Ibrahim. Maka hendaklah memohon kepada Raja Iskandar hendak bercerai dengan

Nabi Khindir itu. Hanyalah hingga Raja Iskandar memahami dia. Maka turun wahyu kepada Nabi Khindir, menyuruhnya bersama-sama dengan Raja Iskandar dan menceritakan dia pada barang pekerjaan yang dijadikan Allah akan Nabi Khindir akan sebab menghasilkan segala pekerjaan.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*. 2015: 68)

Petikan di atas, jelas memperlihatkan bahawa seorang pemerintah atau pemimpin itu perlu melengkapkan dirinya dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Raja Iskandar tidak hanya arif dalam ilmu agama tetapi juga memiliki ilmu firasat, ilmu bahasa dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa untuk mentadbir sesebuah kerajaan, seseorang pemerintah bukan sahaja bertanggungjawab terhadap dirinya malah kepada seluruh rakyat. Pemerintah yang bijak akan menggunakan ilmunya untuk memimpin rakyat dan negara dengan baik.

4.3 Adab raja sebagai pengutus

Setiap manusia yang lahir ke dunia adalah bertujuan sebagai hamba dan khalifah. Tugas sebagai hamba adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T manakala tugas sebagai khalifah adalah untuk memimpin manusia dan mentadbir dunia dengan sebaik-baik pentadbiran sebagaimana yang dijelaskan dalam Al-Quran menerusi surah *Al-Ar'raf*. Menerusi ayat ini juga memperlihatkan pengakuan antara roh manusia dengan PenciptaNya sebelum dilahirkan ke dunia. Hal ini membuktikan bahawa lahirnya manusia ke dunia berbekalkan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah seperti yang dinyatakan dalam ayat 172 surah *Al-Ar'raf*, maksudnya:

Dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan daripada subhi (tulang belakang) anak cucu Adam keturunan mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap roh mereka seraya berfirman, “Bukankah aku ini TuhanMu?” Mereka menjawab, “Betul (Engkau Tuhan kami), kami bersaksi.” Kami lakukan dengan demikian itu agar di hari Kiamat kamu tidak mengatakan, “Sesungguhnya ketika itu kami leka terhadap ini.”

(Surah *Al-A'raf*, ayat 172)

Hal ini juga disebut oleh Bukhari Al-Jauhari sebagai pegarag dalam kitab *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* iaitu beliau mengatakan raja itu sebagai khalifah (Khalid Hussain, 1966: 204). Konsep ini amat berkaitan dengan konsep raja yang dianggap sebagai khalifah atau bayangan Tuhan (*Zilullahi*) di dunia. Raja bukan sahaja sebagai pentadbir kepada sesebuah kerajaan, tetapi ia juga sebagai pengutus yang membawa sesuatu kebenaran kepada rakyatnya. Sebagai contohnya, Raja perlu berpegang teguh dengan syariat dan mentadbir negerinya berlandaskan *Al-Quran* dan Sunnah. Hal ini bertepatan dengan pendapat Mohd Taufik Abdullah (1993: 43) seseorang raja itu hendaklah sentiasa ingat hubungan Allah S.W.T dan segala ciptaanNya. Meneliti *Hikayat Iskandar Zulkarnain* pengarang telah menonjolkan adab seorang raja sebagai pengutus melalui watak Raja Iskandar. Malah, kitab panduan raja-raja iaitu *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* terdapat fasal 12 yang

membicarakan tentang peranan menjadi utusan dan menyentuh mengenai cerita Iskandar Zulkarnain yang membawa utusan berjumpa dengan Raja Dara. Hal ini berkaitan dengan Raja Iskandar yang dianggap sebagai pengutus untuk menyebarkan agama Islam dan menghapuskan agama kafir di muka bumi seperti petikan di bawah:


“Seyogianya kami diberitahu.” Maka kata raja, “Hai kamu sekalian kaumku, bahawa yang datang ke bumi ini raja besar lagi terlalu adil dan raja yang dikuasakan Allah Taala pada segala isi alam namanya Raja Iskandar, anak Raja Darab.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*, 2015: 131)

Petikan di atas menjelaskan bahawa kedatangan Raja Iskandar sebagai pengutus dan penyatu bagi setiap kaum itu telah dinantikan oleh masyarakat. Hal ini kerana, kedatangan Raja Iskandar dengan membawa agama Islam yang bersifat suci dan mengajar manusia mengenal Penciptanya yang sebenar. Hasilnya, Raja Iskandar telah berjaya mengislamkan kesemua negeri yang dijelajahi dan menyebarkan luaskan agama Islam sehingga ke seluruh dunia.

4.4 Adab raja yang beriman

Setiap manusia harus beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T serta melakukan amal salih (Muhd Norizam et.al, 2017: 69). Hal ini kerana setiap orang diukur melalui tahap keimanan yang ada dirinya. Selaku pemerintah pula, beliau perlu mempunyai asas keimanan yang kukuh untuk mentadbir masyarakat di sekelilingnya. Jelani Harun (2003: 152) berpendapat bahawa manusia yang beriman akan berusaha menasihati para pengikutnya agar mengerjakan kebaikan dan mencegah amalan yang mendatangkan keburukan. Persoalan mengerjakan kebaikan adalah meliputi beribadat kepada Allah dengan melakukan solat, membaca *Al-Quran* dan sebagainya. Untuk menjadi seorang pemimpin yang baik, individu tersebut perlulah memperkukuhkan dirinya dengan ilmu agama yang cukup agar dapat membimbing manusia ke jalan kebaikan. Penegasan tentang raja yang beriman telah tercatat dalam kitab *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* iaitu pada fasal 5, 6 dan 7 seperti dalam Rajah 3 di bawah:



Rajah 3: Fasal raja yang beriman.

Terdapat fasal 5 yang menyentuh tentang perihal raja yang soleh dan fasal 6 tentang raja yang ditunjukkan Allah Taala jalan kebenaran dan memelihara hawa nafsu. Seterusnya, fasal 7 tentang perihal raja yang beriman dan budiman. Secara keseluruhan, kitab tersebut memerihalkan tentang adab raja yang perlu beriman dan mengerjakan perintah Allah S.W.T.

Meneliti *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, jelas menonjolkan ketokohan Raja Iskandar yang mematuhi adab seorang yang raja yang beriman. Malah, ia dibuktikan lagi Raja

Iskandar terlalu menjaga hubungan dengan PenciptaNya. Walaupun di mata rakyat beliau seorang raja yang masyhur dan pahlawan hebat tetapi di mata penciptaNya dia tetap sebagai seorang hamba yang penuh dengan dosa. Justeru, beliau selalu melaksanakan syariat Allah dan takut akan azab yang dikenakan kepadanya sekiranya beliau mengingkari suruhan tersebut. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

“Maka kata Raja Iskandar. “Bahawa Allah Taala menjadikan tuan hamba akan menunjuki hamba jalan yang sebenarnya bagi hamba. Maka disuruhkanlah hamba mengerjakan segala barang, seharusnya hamba kerjakan supaya hamba bawakan segala manusia mengerjakan dia dan supaya tiada hamba tinggalkan di atas bumi Allah seorang jua pun, barang siapa yang melalui dia.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*, 2015: 65)

Malah, keimanan Raja Iskandar Zulkarnian juga terbukti apabila dia selalu bersyukur dengan apa yang diperolehinya. Misalnya, Raja Iskandar melakukan sujud syukur kepada Allah S.W.T apabila memperolehi sesuatu kejayaan. Ini membuktikan kewibawaan Raja Iskandar sebagai pemimpin yang hebat dengan sifat keimanan yang begitu tinggi. Hal ini dibuktikan dengan jelas melalui petikan :

“Maka turun Raja Iskandar dari atas kudanya. Maka sujud ia akan Allah Taala, kepalanya ke tanah. Maka kata Nabi Khindir, “ Hai raja, jikalau atas beberapa sekalipun kita akan sujud akan Allah Taala, nescaya sempurna juga. Syukur kita akan kurnia-Nya.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*, 2015: 184)

4.5 Adab raja yang pemurah

Kewibawaan dan ketokohan seseorang pemerintah bukan sahaja dinilai dari segi luaran tetapi juga dari segi dalaman. Sekiranya pemerintah itu mempunyai budi pekerti yang tinggi dan memiliki sifat-sifat baik (*mahmudah*) sudah pasti tidak ada pengolakan yang berlaku dalam melangsungkan sesebuah pentadbiran. Sikap pemurah merupakan sikap yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Ini bertepatan dengan ajaran Islam mengalakkan amalan bantu-membantu sesama insan lain sehingga ada pepatah yang berbunyi ‘tangan yang memberi lebih baik daripada menerima.’ Hal ini membuktikan bahawa amalan memberi ini merupakan satu sifat terpuji yang wajar dicontohi. Ini diperkuatkan lagi dengan fasal 5 yang terdapat dalam *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* tentang syarat kepada pemerintah iaitu syarat kelima yang menggariskan bahawa pemerintah perlu sifat pemurah dan budiman. Meneliti *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, pengarang telah memperkenalkan watak Raja Iskandar sebagai seorang raja yang penuh dengan sifat pemurah kerana tindakannya dalam memberikan harta kepada yang mereka yang memeluk agama Islam. Sifat pemurah yang dimiliki olehnya menyebabkan penganut agama Islam semakin ramai dan memuji sikapnya itu. Sebagai contohnya, terdapat petikan yang menunjukkan bahawa Raja Iskandar seorang yang dermawan dan pemurah seperti berikut:

“Maka masuklah kelima orang besar-besar maka didudukikan pada tempat yang mulia. Maka Nabi Khidir pun menjabat tangan Armu, maka didudukkan serta segala raja itu. Maka Raja Iskandar menganugerahi seorang seekor kuda dengan pelananya yang keemasan. Akan seorang raja itu enam buah kulah, dan segala jemaahnya sertanya itu pun dianugerahi persalinan yang mulia-mulia.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*, 2015: 119)

4.6 Adab hubungan raja dengan rakyat

Sebagai seorang pemerintah, raja juga bertanggungjawab dalam menjaga adab raja dengan rakyat. Raja ibarat payung negara dalam sesebuah pentadbiran yang menjadi pelindung dengan menjaga dan memelihara hak rakyat (Rohayu Mat Rani, 2013: 90). Sepatutnya, tidak ada jurang antara raja dengan rakyat malah saling menjalin hubungan baik bagai isi dengan kuku. Hal ini kerana, pemerintah adalah golongan yang perlu dan dihormati oleh rakyat dan raja juga perlu menghormati hak rakyat. Ini juga berkaitan rapat dengan perjanjian waadat dalam *Sejarah Melayu* iaitu isi perjanjian yang dimeterai oleh Demang Lebar Daun yang mewakili golongan rakyat dan Sang Sapurba mewakili golongan raja. Melalui perjanjian tersebut, jelas menerangkan kepatuhan rakyat kepada raja dan raja perlu berlaku adil kepada rakyat. Melalui isi perjanjian tersebut menunjukkan bahawa raja perlu menjaga kebajikan rakyat di samping rakyat yang mengekalkan taat setia kepada pemerintah (A.Samad Ahmad, 2013: 25). Dalam kitab panduan raja-raja iaitu *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* diterangkan secara jelas mengenai adab raja dengan rakyat yang terdapat pada fasal 9 tentang raja yang menjatuhkan hukuman kepada rakyat, fasal 17 mengenai raja yang prihatin dengan nasib rakyat dan menjaga kebajikan, fasal 20 tentang raja yang perlu memelihara sekalian rakyat dengan adil, menghormati fakir miskin dan fasal 21 menceritakan tentang hubungan raja dengan rakyat yang kafir.

Melihat kesemua fasal tersebut yang menyentuh mengenai hubungan raja dengan rakyat yang bertepatan dengan *Hikayat Iskandar Zulkarnain* yang memerihai seorang putera raja yang menjaga adab dalam hubungan dengan rakyat. Sebagai seorang pemerintah, Raja Iskandar sering menjaga kepentingan rakyatnya serta rakyat bagi negeri yang dijelajahnya. Malah, tindakan Raja Iskandar mengislamkan orang yang kafir adalah salah satu adab untuk menjaga hubungan antara sesama Islam sebagaimana dijelaskan mengenai setiap umat Islam adalah saudara. Ini terbukti apabila Raja Iskandar gigih dalam memperjuangkan agama Islam dan menghapuskan agama kafir dengan mendekati setiap rakyat di seluruh pelusuk negeri seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

“Setelah datang ia pada khemah Raja Iskandar, maka sabda Raja Iskandar, “ Hai Raja Radhiah, bahawa aku segeralah akan berjalan. Naiklah kamu kembali kepada keluarga kamu. Suruhkanlah mereka itu masuk kepada agama Islam supaya segeralah akan berjalan. Baiklah kamu kembali kepada keluarga kamu. Suruhkanlah mereka itu masuk pada agama Islam supaya mereka diketahui siapa mahu dan

tiada mahu.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*, 2015: 140)

Malah, ketokohan Raja Iskandar juga terbukti apabila dia sentiasa berhubungan dengan orang kafir tanpa mengira agama. Wang Yong Bao (2009: 4) yang menyatakan bahawa Islam sentiasa menjamin kebebasan beragama untuk semua umat manusia di mana-mana tempat di dunia ini. Malah, Allah S.W.T berfirman menerusi surah *Al-Kafirun*, ayat 6 maksudnya:

“*Untukmulah agamamu dan untukkulah agamaku.*”

(Surah *Al-Kafirun*, ayat 6)

Ayat ini membuktikan bahawa tiada paksaan dalam menentukan agama masing-masing. Malahan, keperluan berbuat baik dengan semua penganut agama lain menjadi suatu kewajiban yang dituntut dalam Islam. Hal ini bagi mencerminkan nilai-nilai Islam di mata orang kafir. Menerusi *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, jelas memperlihatkan Raja Iskandar begitu kluatir dengan nasib yang menimpa pejuang-pejuang yang gugur di medan pertarungan dan mati dalam keadaan kafir. Ini menunjukkan bahawa setiap seorang pemerintah perlu mempunyai sifat mengasihani sesama insan tanpa ada sikap ‘memilih bulu’ dan tidak mengira pangkat atau darjat seseorang seperti petikan berikut:

“Maka ujarnya Nabi Khindir, “ Hai raja persukakan hati tuan hamba dengan peroleh kemenangan daripada Allah dan tolongnya.” Maka sabda Raja Iskandar, “ Demi Allah, hai kekasih Allah, tiada hamba sebab akan kebesaran diri hamba dan tiada hamba dukacita kerana hulubalang, hamba dukacita hati sebab segala kaum yang melawan kita ini terbunuh. Maka matilah mereka itu dengan kafirnya. Maka jadi mereka itu masuk neraka.”

(*Hikayat Iskandar Zulkarnain*, 2015: 176)

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, *Hikayat Iskandar Zulkarnain* merupakan sebuah karya epik yang memberi gambaran yang jelas mengenai ketokohan Raja Iskandar. Sifat Raja Iskandar sebagai pemerintah terlung dan pahlawan yang hebat di mata dunia dalam menyebarkan agama Islam dan berjihad ke jalan Allah S.W.T. Hal ini terbukti apabila nama Iskandar Zulkarnain yang begitu popular dalam masyarakat dan dianggap sebagai pemula jurai keturunan raja-raja Melayu sebagaimana yang disebut dalam *Sejarah Melayu* yang mengatakan bahawa keturunan raja-raja berasal daripada Raja Iskandar. Malah, Raja Iskandar juga berjaya membuktikan bahawa seorang raja itu tidak hanya tinggal di istana sahaja, tetapi perlu keluar dari istana untuk mendekati diri dengan rakyat. Tidak cukup dengan itu, Raja Iskandar juga membuktikan bahawa seorang raja itu perlu memiliki sifat yang baik (*mahmudah*) seperti adil, berilmu, beriman, pemurah dan perlu menjalankan tanggungjawab sebagai pengutus serta mampu menjalankan hubungan baik dengan rakyat. Bertepatan

dengan objektif kajian ini, didapati bahawa *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* merupakan kitab panduan semua raja-raja di Alam Melayu pada abad ke-17 *Masihi* sejak zaman Aceh lagi. Kitab panduan ini juga adalah satu medium yang perlu dirujuk oleh segenap lapisan masyarakat yang bergelar pemerintah untuk mentadbir sesebuah negara dengan baik dan lancar. Ini kerana keadilan dan kebijaksanaan pemerintah dapat melahirkan sebuah negara yang aman dari segi politik, ekonomi dan sosial. Justeru, watak Raja Iskandar dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain* telah menunjukkan suatu perilaku yang positif dan seiring dengan syarat yang ditetapkan dalam *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja)* dengan melihat sikap Raja Iskandar yang terlalu mengagungkan agama Islam di mata dunia. Jelas menunjukkan seseorang pemerintah itu memerlukan adab dan keperibadian yang tinggi sebagai cerminan untuk menjalankan kepimpinan dan pemerintahan sesebuah negara

Rujukan

- A.Samad Ahmad. (2013). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V.I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: Koninklijk Voor Taal, Land-en Volkenkunde.
- Braginsky, V.I. (2000). Tajus Salatin (The Crown of Sultan) of Bukhari al-Jauhari as Canonical Work and an Attempt to Create a Malay Literary Canon. In. Smyth, D. (Ed.) *The Canon in Southeast Asia Literature*. Surrey: Curzon Press.
- Brakel, L.F. (1970). Persian Influence on Malay Literature. *Abr-Nahrain*, 9: 206-221.
- Fatimah Embong. (1982). *Beberapa Aspek dalam Kitab Taj us Salatin*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halimah Hassan. (2001). Sastera Epik: Hikayat Iskandar Zulkarnain. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Bahasa Wahana Ilmu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Selangor: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Jelani Harun. (2006). Bustan al-Salatin: Buku Sejarah dan Panduan Adab Pentadbiran Kesultanan Melayu. Dlm.. Rogayah A. Hamid. *Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2006). Sahibul Kitab Sultan Zainal Abidin: Adab Ketatanegaraan Kesultanan Terengganu. Dlm. Rogayah A. Hamid. *Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2009). *Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for Rules*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Hussain. (1966). *Taj Us Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid Hussain. (2015). *Hikayat Iskandar Zulkarnain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar A. Harris. (2001). Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji. *Sari*, 29(1): 79-101.
- Marrisson, G.E. (1955). Persian Infuence in Malay Life (1280-1650). *Journal of the Malaysians Branch of the Royal Asiatic Society* 28: 52-69.
- Mohd Aris Othman. (1983). The Sultanate as the Basis for Malay Political and Cultural Identity from a Historical Perspective. *Sari* 1(2): 161-174.
- Mohd Taufik Abdullah. (1993). "The Islamic Political Tradition in Malay" Dlm. Anthony Reid (Ed.) *The Making of an Islamic Political Discourse in Southeast Asia*. Monash Paper on Southeast Asia. Monash University. Australia.
- Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah (Eds.). (2012). *Adab dan Peradaban: Karya Pengi'tirafan Syed Mohammad Naquid Al Attas*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.

- Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Yusmilayati Yunos. (2017). Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi Ke Kontemporari. *Jurnal Melayu*, 16 (1): 63-81.
- Nor Asma Ab. Aziz dan Muhd. Norizam Jamian. (2016). Akhlak Pemimpin dan Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu*, 15 (1) : 50-66.
- Rahimah Hamdan dan Arbaie Sujud. (2017). ‘Gagap, Buta, Lalai dan Tuli’: Adab Sultan Hussain Muadzam Syah Sebagai Pemerintah Singapura Menurut Taj Us Salatin (Mahkota Raja-Raja). *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Jilid 1: Subtema Pendidikan, Teknologi Maklumat, Politik dan Kepimpinan*, Anjuran Kolej Universiti Islam Selangor, 26-27 April.
- Rohayu Mat Rani. (2013). *Sifat dan Peranan Raja dan Pembesar dalam Naskah Hukum Kanun Pahang*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- S. Othman Kelantan. (2007). *Dzulqarnain Bukan Alexander The Great*. Dewan Sastera, Julai: 30-31.
- Shafie Abu Bakar. (1996). *Sastera Islam Dalam Peradaban Ummah*. Simposium Serantau Sastera Islam. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shah Rul Anuar Nordin. (2012). *Pemikiran Politik Islam di Acheh pada Abad Ke 17 M: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj Us-Salatin, Sulalah Al-Salatin dan Bustan Al-Salatin*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor.
- Siti Hawa Haji Salleh (Ed.). (1992). *Bustan al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2009). *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2010). *Malay Literature of the 19th Century*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Nasional Malaysia Berhad.
- Syed Muhammad Naquib Al Attas. (1993). *Islam Dan Sekularisme*. Bandung: Indonesia: Institut Pemikiran Islam dan Pembangunan Insan.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Terjemahan Al-Quran Al-Karim*. (2015). Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn.Bhd.
- Wang Yong Boa (Ahmed Musa). (2009). *Diplomacy: Theory and Practice in Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.